

Pinjaman/Pembiayaan Peribadi: Kempen Eksklusif Atas Talian

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen Eksklusif Atas Talian Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (HLB) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) (secara kolektifnya dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 13 Oktober 2017 dan berakhir pada 21 Januari 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Kempen:-

KELAYAKAN

2. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan individu Malaysia (“Pelanggan”) yang:-
 - a) bekerja dengan pendapatan tahunan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
 - b) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi/Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i/Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB dan/atau Pinjaman Peribadi I.O.U Mach;
 - c) memohon untuk Pinjaman Peribadi/Pinjaman Tambahan (tidak termasuk Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki) dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi-i/ Pembiayaan Tambahan (tidak termasuk Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki) dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (“Kemudahan”) semasa Tempoh Kempen melalui melalui permohonan atas talian di www.hlb.com.my (“Laman Sesawang Bank”) untuk tempoh pinjaman/pembiayaan satu hingga tujuh (1-7) tahun; dan
 - d) kemudahan dikeluarkan pada atau tidak lewat dari 15 Januari 2018.

Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausula 2 di atas akan ditakrifkan sebagai “Pelanggan Layak”.

3. Mereka yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau

HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

- ii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB dan/atau HLISB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di sini.
- iii. Kakitangan tetap dan berkontrak HLB dan/atau HLISB.

Mekanik Kempen

4. Rebat Tunai akan diberi kepada Pelanggan Layak berdasarkan peratus Faedah/keuntungan yang dibayar ("Pulangan Tunai") yang dikira mengikut ilustrasi berikut:

Jumlah Pinjaman/ Pembiayaan (RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/ keuntungan (Setahun)	Jumlah Faedah/ keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak sebelum Pulangan Tunai (RM)	Peratus Pulangan Tunai di atas Faedah/ Keuntungan dibayar oleh Pelanggan Layak	Jumlah Pulangan Tunai dibayar kepada Pelanggan Layak (RM)	Jumlah Faedah/ keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak selepas Pulangan Tunai (RM))	Kadar Faedah/ Keuntungan selepas Pulangan Tunai
(a)	(b)	(c)	(d)=[(a) x (b) x (c)]	(e)	(f)=[(d) x (e)]	(g)=[(d)-(f)]	(h)=[[(g)/(b)] / (a)]
10,000	1	12.50%	1,250.00	65%	812.50	437.50	4.38%
10,000	2	12.50%	2,500.00	60%	1,500.00	1,000.00	5.00%
10,000	3	12.50%	3,750.00	50%	1,875.00	1,875.00	6.25%
10,000	4	12.50%	5,000.00	20%	1,000.00	4,000.00	10.00%
10,000	5	12.50%	6,250.00	20%	1,250.00	5,000.00	10.00%
10,000	6	13.50%	8,100.00	20%	1,620.00	6,480.00	10.80%
10,000	7	13.50%	9,450.00	20%	1,890.00	7,560.00	10.80%
150,000	1	9.00%	13,500.00	65%	8,775.00	4,725.00	3.15%
100,000	2	10.00%	20,000.00	60%	12,000.00	8,000.00	4.00%
60,000	3	11.00%	19,800.00	50%	9,900.00	9,900.00	5.50%

*0.5% dari jumlah pinjaman/pembiayaan akan ditolak untuk duti setem

5. Pulangan Tunai dibayar seperti berikut:
 - i. Pelanggan Layak yang membayar amaun ansuran bulanan Kemudahan pada atau sebelum tarikh perlu dibayar setiap bulan semasa tempoh Kemudahan akan layak menerima Pulangan Tunai.
 - ii. Bank akan memberi notis kepada Pelanggan Layak secara surat untuk kelayakan Pulangan Tunai pada bulan ke-enam dalam tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat yang dikemaskini terakhir di rekod Bank.
 - iii. Pulangan Tunai akan dibayar secara bulanan di mana Pulangan Tunai pertama (ke-1) akan dibayar selepas ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dibayar oleh Pelanggan Layak dan Pulangan Tunai yang

akan dibundarkan kepada Satu Ringgit Malaysia (RM1) terdekat akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan yang sah dan aktif milik Pelanggan Layak satu (1) hari selepas bulan ketujuh (7) tarikh ansuran perlu dibayar dan bulan seterusnya sehingga pembayaran Pulangan Tunai terakhir yang dinyatakan di Klausula (iv) di bawah.

- iv. Untuk Tempoh Kemudahan dua hingga tujuh (2-7) tahun, Pulangan Tunai terakhir akan dibayar enam (6) bulan sebelum Pelanggan Layak membayar ansuran terakhir Kemudahan.
- v. Pulangan Tunai bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
- vi. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya ansuran bulanan tidak dijelaskan semasa tempoh Kemudahan, kelayakan untuk Pulangan Tunai akan tamat serta-merta.
- vii. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis kepada Bank tidak lewat dari satu (1) bulan selepas tarikh perlu bayar ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan seterusnya selepas itu sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai bulanan, jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Layak dianggap telah mendapat dan menerima Pulangan Tunai dari Bank dan sebarang pertikaian seterusnya tidak akan dilayan oleh Bank.
- viii. Kelayakan Pelanggan Layak untuk mendapat Pulangan Tunai akan dibatalkan dan bayaran Pulangan Tunai akan ditamatkan serta-merta apabila berlaku mana-mana satu perkara berikut:
 - i. Pelanggan Layak gagal membayar mana-mana ansuran bulanan untuk Kemudahan pada tarikh perlu dibayar, atau sebarang jumlah lain yang terhutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila dituntut oleh Bank;
 - ii. Notis penyelesaian awal diberikan oleh Pelanggan Layak sebelum tempoh matang Kemudahan; atau
 - iii. Pelanggan Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau perbuatan salah laku yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

6. Sebagai tambahan kepada Pulangan Tunai, Cabutan Bertuah ini adalah untuk Pelanggan Layak yang memohon untuk Kemudahan melalui Laman Sesawang Bank dan Kemudahan tersebut dikeluarkan sebelum 15 Februari 2018, di mana mereka boleh berpeluang untuk memenangi Satu (1) hadiah berikut yang disenaraikan di bawah:

Kategori	Hadiah (Satu (1) pemenang setiap kategori)
Usahawan / Lain-lain (semua kategori lain tidak termasuk Pembeli Rumah Baru dan Pembuat Percutian).	RM10,000 tunai.

Pembeli Rumah Baru	Kad Hadiah IKEA bernilai RM10,000 (Kad Hadiah IKEA 10x dengan denominasi RM1,000 yang dimuatkan ke dalam setiap kad)
Pembuat Percutian	Baucer perjalanan bernilai RM10,000

7. Sepuluh (10) Pelanggan Layak dari setiap kategori akan dipilih secara rawak dan disenarai pendek selepas tamat Tempoh Kempen pemilihan pemenang Hadiah (“Peserta Disenarai Pendek”).
8. Peserta Disenarai Pendek akan dihubungi oleh Bank atau Pengurus Peraduan yang dilantik, Dynamic Search Sdn Bhd (136574V) (“Dynamic search”) atas dasar usaha terbaik di nombor telefon terkini yang diberikan oleh Peserta Disenarai Pendek seperti terdapat dalam sistem Bank sebanyak DUA KALI pada bila-bila masa semasa waktu pejabat (9.00pg – 5.00ptg) untuk sesi soal dan jawab (“Q&A”) dan menjawab dua (2) soalan.
9. Sekiranya Peserta Disenarai Pendek gagal menjawab panggilan atas sebarang sebab selepas lima (5) deringan, Peserta Disenarai Pendek dianggap telah terlepas peluang untuk menang dan Bank atau Dynamic Search berhak sepenuhnya untuk memilih Peserta Disenarai Pendek seterusnya apabila perlu.
10. Peserta Disenarai Pendek pertama untuk setiap Kategori yang berjaya menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan memenangi Hadiah Kategori tersebut dan akan diisytiharkan sebagai pemenang dengan serta-merta (“Pemenang”). Untuk mengelakkan keraguan, hanya ada satu (1) Pemenang untuk setiap kategori.
11. Sekiranya Peserta Disenarai Pendek tidak berjaya menjawab kedua-dua soalan dengan betul, lima (5) Pelanggan Layak tambahan akan dipilih secara rawak dan disenarai untuk pemilihan pemenang Hadiah seperti di atas.
12. Hadiah RM10,000 tunai untuk Usahawan / Lain-lain akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan atau akaun semasa. Sekiranya Pemenang tidak mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa, Pemenang dikehendaki membuka satu di cawangan terdekat.
13. Hadiah Pembeli Rumah Baru Kad Hadiah IKEA akan dihantar oleh GD Express Sdn Bhd (“GDEX”), (penyedia perkhidmatan kurier yang dilantik oleh HLB) ke alamat rumah atau pejabat terkini yang diberikan oleh Pemenang seperti yang ditunjukkan dalam sistem HLB.
14. Hadiah Pembuat Percutian Baucar Perjalanan akan disediakan oleh Mayflower Holidays Sdn Bhd (“Agensi Pelancongan”), dan Pemenang akan diberitahu tentang nombor telefon (0392321999) dan email (retail@mayflower-group.com) Agensi Pelancongan semasa panggilan dalam klausa 10 dan melalui e-mel di alamat e-mel yang sah mereka. Pemenang kemudiannya akan menghubungi Agensi

Pelancongan untuk mendapatkan Terma & Syarat Baucer Perjalanan dan merancang penggunaan Baucer Perjalanan mereka. Baucer Perjalanan tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.

15. Akaun Pinjaman Peribadi HLB dan/atau akaun Pembiayaan Peribadi-i HLISB Pemenang mestilah sah atau aktif, memiliki rekod yang baik dan tidak memungkiri mana-mana T&S Kempen ini semasa pemberian Hadiah.
16. Pemenang mesti menuntut Hadiah pada 31 Mac 2018 dengan cara:
 - i. Mempunyai akaun simpanan / semasa yang sedia ada atau membuka satu di mana-mana cawangan HLB / HLISB.
 - ii. Menerima Kad Hadiah IKEA di mana bukti penghantaran disediakan oleh GDEX.
 - iii. Menghubungi Agensi Pelancongan.
17. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa Hadiah yang tidak dituntut selepas 31 Mac 2018 dan sebarang tuntutan untuk Hadiah selepas 31 Mac 2018 tidak akan dilayan.
18. Sekiranya Pemenang tidak menerima Hadiah, Pemenang akan memberitahu Bank sehingga 31 Mac 2018 secara bertulis. Gagal yang mana, pemenang akan dianggap telah menerima hadiah dan bank itu tidak mempunyai tanggungjawab untuk penerimaan hadiah.

UMUM

19. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:
 - (i) bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan bersetuju untuk terikat dengannya;
 - (ii) bersetuju untuk melayari laman sesawang HLB pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan; dan
 - (iv) bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barangan; dan
 - (v) bersetuju bahawa Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti kesesuaian semua Hadiah dan apa-apa aduan atau pertikaian mengenai mana-mana Hadiah di bawah Kempen ini hendaklah diselesaikan di antara Pemenang dan IKEA / Agensi Pelancongan tanpa apa-apa tuntutan kepada Bank ; dan

(vi) bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

20. Bank berhak untuk:

- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
- (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknyanya; dan
- (iii) membatalkan Hadiah sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada T&S yang terkandung di sini dan ketidakpatuhan kepada terma dan syarat Pinjaman Peribadi/Pinjaman Tambahan HLB/Pembiayaan Peribadi-i/ Pembiayaan Tambahan;
- (iv) menggantikan Hadiah dengan hadiah alternatif yang bernilai serupa mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis awal; dan
- (v) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

21. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi/ Pinjaman Tambahan /Pembiayaan Peribadi-i/ Pembiayaan Tambahan /Pinjaman Peribadi I.O.U Mach HLB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang mengawal selia Pinjaman Peribadi/Pinjaman Tambahan HLB/Pembiayaan Peribadi-i/ Pembiayaan Tambahan HLIB/Pinjaman Peribadi I.O.U Mach HLB, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.

22. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.

23. Terma dan syarat yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

24. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.